

Polemik sejarah awal Terengganu

Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-29 berjudul Sejarah Awal Terengganu akan diadakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail, Batu Rakit, Kuala Terengganu, pada 20 Jun ini, jam 9 pagi.

Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman akan membentangkan kertas kerja prasejarah Negeri Terengganu.



Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Mohd Yusof Abdullah (**gambar**) bakal membincangkan Kesultanan Awal Terengganu pada majlis yang dipengerusikan, Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Hamdan Aziz.

Polemik Sejarah Malaysia itu akan dirasmikan Setiausaha Kerajaan Terengganu, Datuk Mazlan Ngah, manakala maklumat lanjut lawati laman web Arkib Negara di alamat www.arkib.gov.my.

Persembahan wayang kulit

Pusat pembangunan seni tradisional dan kontemporeri, Rimbun Dahan menjemput orang ramai bagi menyaksikan persembahan wayang kulit pada 22 Jun 2013 jam 8.30 malam bertempat di Rimbun Dahan, Kilometer 27, Jalan Kuang, Kuang 48050 Selangor.

Persembahan wayang kulit yang akan mementaskan kisah epik *Ramayana* yang menceritakan tentang penculikan Sita Dewi oleh Bota Maharaja Rawanan akan dijayakan oleh Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan.

Masuk adalah percuma dan maklumat lanjut boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang, www.rimbundahan.org.



Dialog penulis wanita

» Pertemuan mesra 'bedah' tiga buku terbitan ITBM

Oleh Latifah Arifin
latifah@mediaprime.com.my

Dialog Mesra Enam Penulis Wanita yang bertujuan mendedahkan kepada masyarakat kewujudan penulis wanita dalam arena sastera dan penulisan tanah air, sekali gus memecah benteng yang selama ini didominasi pengarang lelaki dilihat berjaya mencapai matlamatnya.

Program anjuran Sahabat Seni Sastera Budaya (SEBUDI) yang diasaskan oleh Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA) Write 1989, Dr Siti Zainon Ismail dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) itu juga dilihat penting dalam menyemarak semangat penulis wanita yang baru mengebrui dunia penulisan untuk mendapatkan nasihat, menuntut ilmu dan berkongsi pengalaman dengan penulis mapan negara.

Gabung tokoh penulis

Program yang dirasmikan oleh wakil penaung SEBUDI, Amanda Ruhil Hamidah Sanusi Junid itu diadakan dalam bentuk dialog

dengan menggabungkan tokoh penulis wanita termasuk Ketua Satu Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), Mahaya Mohd Yassin, Pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) Ke-18 Kategori Kumpulan Puisi, Siti Zaleha Hashim, Penerima SEA Write 2004, Dr Zurinah Hassan, Dr Siti Zainon Ismail, Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kamariah Kamarudin dan Editor Kanan Bahagian Buku Umum, DBP, Rozninah Abd Azib.

Acara yang berlangsung di Jeumpa D'ramo, Bangsar itu membekalkan tiga buku terbitan ITBM iaitu *Catatan Cinta Anakanda Bonda*, *Rumah Waris Uwan* dan *Inspirasi Cinta* yang ditangani tiga pengarang wanita mapan negara.

Pensyarah Program Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mawar Shafie, ketika mengulas kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda* oleh Dr Kamariah Kamarudin mengakui keseluruhan karya ini menjurus kepada hubungan penulis sebagai pendidik dan juga menyelitkan kisah benar hidupnya.

"Saya lihat struktur akademik begitu tegar dalam karya ini apatah lagi latar belakang Dr Kamariah sebagai pendidik melingkari keseluruhan penceritaan, malah kebanyakan watak yang ditampilkan juga mempunyai hubungan akrab dengan pengarang."

"Ia juga banyak memperlihatkan sisi pertembungan antara bacaan ilmiah dengan kreatif selain tidak ketinggalan menyorot kisah wanita antaranya menerusi cerpen berjudul *Hijab* mengenai lima wanita di kampus yang sangat keliru tentang hukum syarie antaranya perintah menutup aurat," katanya pada sesi dialog yang dipengerusikan Mahaya Mohd Yassin.

Nilai Islam dalam cerpen

Dr Mawar menambah, setiap cerpen dalam antologi itu banyak menganjurkan nilai Islam antaranya memberi bayangan mengenai kebesaran Allah SWT menerusi cerpen *Kirah Kiryah di Kecabik Senja*.

"Cerpen ini mengangkat beberapa watak iaitu Muhammad Qayyum, Abdu Qadir dan Ahmad Qahhar yang meminjam sifat Allah iaitu Al-Qayyum bermaksud yang mengatur langit dan bumi, Al-Qadir (Yang Maha Berkua)

Pengarang bersama hasil karya masing-masing yang dibedah pada **Dialog Mesra Enam Penulis Wanita**, dari kiri; Siti Zaleha, Dr Zurinah, Mahaya, Dr Kamariah, Rozninah dan Dr Siti Zainon.

[ROSDAN WAHID / BH]

dan Al-Qahhar (Yang Maha Perkasa).

"Selain itu, ada juga cerpennya yang menyentuh kemelut sastera semasa apabila anak muda bosan mengikuti subjek sastera, kisah kekeluargaan dan kepentingan ilmu yang sering dilihat tidak penting kebelakangan ini," katanya pada acara yang turut dimeriahkan dengan jualan buku oleh ITBM, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perbadanan Kota Buku.

Satu-satunya pengarang lelaki pada sesi bedah karya itu adalah Pensyarah Jabatan Pembangunan Sains Sosial, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berasal dari Indonesia, Dr Aris Arif Mundayat.

Beliau yang membincarkan karya terbaru Dr Siti Zainon berjudul *Rumah Waris Uwan* melihat cara penulisan sasterawan wanita itu lebih bersifat empati, melindungi dan sarat jiwa keibuan.

"Pendekatan sejarah dan demografi dalam karya yang menyorot keindahan kampung halaman pengarang, *Kampung Banda Dalam, Gombak* yang diancam projek pembangunan digambarkan dengan sentuhan gaya bahasa puisi, malah mampu mengetuk pintu hati orang yang membacanya.

"Karya ini istimewa, judulnya saja yang menggunakan perkataan *Uwan* itu diambil daripada bahasa Minang yang membawa maksud nenek, malah tidak keterlaluan jika ia dikatakan sebagai ekspresi intelektual pengarang yang turut digabungkan dengan kritikannya yang menyentuh politik dan menginginkan pembelaan terhadap kampung berusia lebih 150 tahun itu," katanya.

Dr Aris menambah, beberapa puisi yang dimuatkan dalam *Rumah Waris Uwan* cukup bagi memberi penjelasan keadaan *Kampung Banda Dalam* dan kemelut yang dihadapi penduduknya yang enggan melihat perkampungan itu lenyap kerana pembangunan.

"Puisi Siti Zainon bertajuk *Saksi Kejadian* cukup bagi menceritakan perasaan kecewa, marah dan pembelaan terhadap kampung halaman yang menjadi warisan




Khalayak pada program **Dialog Mesra Enam Penulis Wanita** di Jeumpa D'ramo, Bangsar, baru-baru ini.



Dari kiri; Dr Aris, Mahaya, Dr Norhayati dan Prof Madya Mawar membentang hujah pada sesi dialog bedah buku.

Program turut dimeriahkan dengan **jualan buku** oleh ITBM, DBP dan Perbadanan Kota Buku.



Puisi Siti Zainon bertajuk Saksi Kejadian cukup bagi menceritakan perasaan kecewa, marah dan pembelaan terhadap kampung halaman”

Dr Aris Arif Mundayat,
Pensyarah Jabatan
Pembangunan Sains Sosial,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM



Saya lihat struktur akademik begitu tegar dalam karya ini apatah lagi latar belakang Dr Kamariah sebagai pendidik”

Prof Mawar Shafie,
Pensyarah Program Persuratan
Melayu, Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan, UKM

sejarah dan banyak meninggalkan kenangan terindah kepada penduduknya.

“Pada perenggan empat berbunyi ‘seperti silap mata merubah segera, lorong ditarah, menjadi ular naga menjulur, lidah membaham, segala kehendak-Nya!’ membayangkan keadaan kampung yang mula berubah apabila projek pembangunan dijalankan dengan ular naga adalah simbolik kepada lebuh raya yang dibina,” katanya.

Angkat dunia wanita

Pensyarah Kanan, Jabatan Kesasteraan, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Dr Norhayati Ab Rahman pula ketika mengulas koleksi cerpen remaja berjudul *Inspirasi Cinta* karya Rozninah Abd Azib pula menyifatkan karya itu bukan saja sesuai untuk bacaan remaja tetapi juga remaja dewasa.

“Secara keseluruhannya, dunia wanita banyak diangkat dalam antologi ini terutama mengenai dilema yang dihadapi kebanyakan remaja wanita. Ada 15 buah cerpen kesemuanya yang saya dapat terbahagi kepada dua perspektif, iaitu enam daripada cerpen menggambarkan dunia remaja wanita, konflik dan permasalahan dihadapi mereka di sekolah dan sekeliling mereka.

“Manakala tujuh cerpen lagi garapan dan naratifnya terarah kepada dunia wanita dewasa

yang sangat mengilhamkan, apatah lagi pengarangnya sangat berpengalaman malah pembabitannya sebagai pelukis dan editor dituang di dalam acuan cerpennya ini,” katanya.

Norhayati melihat karya ini sarat dengan falsafah wanita terutama menyentuh aspek sosio-budaya dan peranan dalam membentuk perlakuan dan sikap wanita.

“Ia mencoret pelbagai pengalaman wanita, cara mereka menyesuaikan diri dengan masyarakat dan kekuatan mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang. Ia juga tidak hanya bersifat keibuan tetapi merangkumi sifat keibubapaan dan kekeluargaan, malah pengarang juga turut peka terhadap isu semasa seperti kebanjiran warga asing di negara kita dan isu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang pernah menjadi kontroversi,” katanya.

Di akhir bicaranya, Norhayati juga berharap penulisan wanita tidak dipandang enteng, tetapi diangkat sebagai sebahagian daripada tradisi dalam dunia sastera dan penulisan, selain turut menyuarakan kekesalan kerana karya penulis wanita masih belum diiktiraf selayaknya, walaupun ramai antara mereka yang memamerkan kualiti penulisan bermutu tinggi.